No.Sebutharga: PKDP/SH/7/2026

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH

Kementerian atau Jabatan:
PEJABAT KESIHATAN DAERAH PENDANG
JALAN SUNGAI TIANG
06700 PENDANG, KEDAH

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Kenderaan Nissan Urvan Nama Model : Urvan (D) Window Van Keupayaan Enjin : 2953 S.P Bahan Bakar: Enjin Diesel Hijau Warna: Beige Jenis Badan: Window Van Tahun dibuat: 2009 Muatan Tempat Duduk: 14 (2 termasuk pemandu dihadapan)	KCM 6999	1	RM5,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **11 November 2026 (Rabu)** hingga **10 Disember 2026 (Khamis)** di antara jam **9.00 pagi** hingga **4.00 petang** di **Pejabat Kesihatan Daerah Pendang.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No.Sebut harga: PKDP/SH/7/2026 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

PEJABAT KESIHATAN DAERAH PENDANG
JALAN SUNGAI TIANG
06700 PENDANG, KEDAH

5. Tarikh tutup sebut harga pada 10 Disember 2026 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

10/11/2026

(Tandatangan Ketua Jabatan)
Alamat: DR. INTAN MELATI BINTI ABU BAKAR
Tarikh: No. Penuh MMC: 40294, No. NSR: 139875
Cap: Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah Pendang
Pejabat Kesihatan Daerah Pendang
Kedah Darul Aman.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.** Pembeli dikehendaki menyerahkan sesalinan akaun bank bagi tujuan pengembalian Wang Pos atau Draf Bank bagi pembeli yang tidak berjaya.

3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is- where-is basis).

5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.

6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

9. Pembeli yang berjaya bertanggungjawab:-

    a. Sebelum membawa keluar kenderaan dari Jabatan:-
        i. Menanggalkan/memadamkan nama jabatan pada badan kenderaan;
        ii. Menanggalkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuatkuasa dan menyerahkan kepada Jabatan;

    b. Mengurus dengan segera penukaran hak milik dan status kenderaan yang melibatkan pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM dan urusan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta melapor status pelaksanaan kepada Jabatan;

    c. Mengurus dan menjelaskan sepenuhnya duti/cukai yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) sekiranya tidak mendapat pengecualian;

    d. Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 1) hingga 9 c)

Nissan Urvan (D) Window Van

KCM 6999

Pandangan hadapan



Pandangan Sisi



Pandangan Sisi & belakang



